

18/08/1998

Rakyat diminta sokong pemimpin

GEORGETOWN, Isnin - Rakyat Malaysia digesa berdiri teguh di belakang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kerajaan Barisan Nasional (BN) ke arah mempercepatkan pemulihan ekonomi.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata kestabilan politik dan sosial sedia ada tidak boleh diganggu gugat kerana ia mungkin membantutkan usaha kerajaan untuk memulihkan keadaan.

"Kita semua perlu memberi sokongan padu kepada pemimpin dan kerajaan bagi memastikan kejayaan dan mengekalkan kemerdekaan ekonomi yang dibanggakan selama ini," katanya berucap kepada lebih 1,200 wakil masyarakat Teochew di negeri itu sempena sambutan ulang tahun ke-134, Persatuan Teochew Pulau Pinang di sini, hari ini.

Katanya, kerajaan kini menghadapi krisis ekonomi paling teruk dan ini perlu diatasi bersama.

Beliau berkata, pembangkang dan media Barat menyalahkan dasar kerajaan BN dan kenyataan Dr Mahathir yang dikatakan punca krisis ekonomi sekarang.

"Tetapi mereka gagal mengemukakan pilihan lain kepada kerajaan yang terbukti berjaya membawa negara ke tahap pembangunan membanggakan dalam 10 tahun lalu," katanya.

(END)